


PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR  
(SELANGOR STATE TREASURY)  
TINGKAT 2, 8-12  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
40592 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
MALAYSIA

*selangorku*



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008  
CERT. NO. : AR 1905

**"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"**

Ruj kami : PWN.Sel.(PPA)000/03/30/1 0111 0 (45)  
Tarikh : 10 Safar 1436H  
Disember 2015

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

YB Dato'/ YBhg Dato'/YBhg Datin Paduka/Tuan/Puan,

**MODEL GANTI BAGI KERETA RASMI KETUA JABATAN (KRKJ) SUSULAN PENAMATAN PENGELUARAN PROTON INSPIRA OLEH PIHAK PERUSAHAAN OTOMOBIL NASIONAL (PROTON)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 5 Tahun 2014 : Peruntukan Kereta Rasmi Jawatan (KRJ) Dan Kereta Rasmi Ketua Jabatan (KRKJ) adalah berkaitan.


2. Dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-35/2015 yang bersidang pada 25 November 2015 dan disahkan oleh MMKN Ke-36/2015 yang bersidang pada 02 Disember 2015 telah **meluluskan** supaya model kenderaan jenis **Honda Civic 1.8 S dengan tambahan aksesori leather seat** ditetapkan sebagai model ganti KRKJ untuk digunakan oleh Ketua Jabatan Negeri termasuk Pegawai Daerah dan Yang Dipertua Majlis yang menyandang Gred 54/52. Penggantian model kenderaan ini adalah susulan penamatan pengeluaran Proton Inspira 2.0 Premium oleh pihak PROTON.

3. Selaras dengan itu, **Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 5 Tahun 2014 hendaklah dibaca bersekali dengan surat edaran ini** dan kerjasama YB Dato'/ YBhg Dato'/YBhg Datin Paduka/Tuan/Puan adalah dipohon mengambil maklum penetapan model ganti KRKJ di atas dalam urusan pembelian KRKJ sekiranya berkaitan.

4. Segala kerjasama dan perhatian YB Dato'/ YBhg Dato'/YBhg Datin Paduka/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

  
(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN)  
D.P.M.S, S.I.S  
Pegawai Kewangan Negeri  
Selangor Darul Ehsan



No. Telefon : 603-5544 7000  
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN),  
603-5544 7297 (TPWN),  
603-5512 1054 (Bendahari Negeri),  
603-5526 1055 (Belanjawan)  
E-mel : pwn\_helpdesk@selangor.gov.my  
Laman Web : http://pwn.selangor.gov.my

Visit *selangor*  
Discover Selangor  
Berikan Selangor 2015



**PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR**  
**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR**  
**BIL. 5 TAHUN 2014**

Kepada:

Semua Ketua Jabatan Negeri,  
Semua Badan Berkanun Kerajaan Negeri,  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan  
Selangor Darul Ehsan

**PERUNTUKAN KERETA RASMI JAWATAN (KRJ)**  
**DAN KERETA RASMI KETUA JABATAN (KRKJ)**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan dasar dan peraturan semasa yang terpakai berkaitan dengan penggunaan kereta rasmi kerajaan selaras dengan arahan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

## 2.0 TAFSIRAN

- 2.1 "Ahli *Ex-Officio*" ialah Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang menganggotai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) mengikut Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 – Enakmen No. 8 Tahun 1980 iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri;
- 2.2 "Ketua Jabatan" ialah pegawai yang mengetuai sesebuah organisasi sama ada di peringkat negeri, daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Badan Berkanun Negeri;
- 2.3 "Kenderaan Kerajaan" ialah kenderaan ringan seperti basikal, motosikal, motokar, kereta saloon, *Multi-Purpose Vehicle* (MPV), *pick-up*, van, pacuan empat roda, bas mini (*coaster*) dan kenderaan berat seperti bas, treler, jentera bergerak dan seumpamanya yang dibeli/ sewa/ pajak/ pinjam atau yang diterima sebagai hadiah untuk kegunaan rasmi Kerajaan sebagai Kenderaan Jabatan atau Kereta Rasmi Jawatan;
- 2.4 "Kenderaan Jabatan" ialah Kenderaan Kerajaan yang diperuntukkan untuk kegunaan gunasama Jabatan atau kenderaan kegunaan khas seperti kereta bomba, ambulans, kereta jenazah, kereta peronda polis dan seumpamanya;
- 2.5 "Kereta Rasmi Ketua Jabatan (KRKJ)" ialah kereta yang diperuntukkan khas mengikut kelayakan jawatan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Gred 54/52 yang berstatus Ketua Jabatan Negeri termasuk Ketua Jabatan Badan Berkanun, Pegawai-Pegawai Daerah, Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah;
- 2.6 "Kereta Rasmi Jawatan (KRJ)" ialah kereta yang diperuntukkan khas mengikut kelayakan jawatan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Gred Utama/Khas C dan ke atas.

### 3.0 LATAR BELAKANG

3.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 27/2011 yang bersidang pada 10 Ogos 2011 telah bersetuju dan memutuskan peruntukan kenderaan rasmi berdasarkan kelayakan jawatan iaitu:-

3.1.1 Ketua Jabatan Gred Jusa C dan ke atas diperuntukkan kereta jenis Honda Accord 2.0L;

3.1.2 Ketua Jabatan Negeri Gred 54/52 termasuk Ketua Jabatan Badan Berkanun, Pegawai-Pegawai Daerah dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah diperuntukkan kereta jenis Proton Inspira 2.0 Premium.

3.2 Susulan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 28 Ogos 2013 pula bersetuju untuk menerima pakai Surat Arahan Perbendaharaan Malaysia bertarikh 16 Oktober 2013 berkaitan Penggantian Model Kereta Rasmi Jawatan dari Honda Accord 2.0L kepada Model Terbaru Proton Perdana. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju menggunakan Model Terbaru Proton Perdana selepas kenderaan Honda Accord 2.0L dilupuskan;

3.3 Maka, kereta rasmi mengikut kelayakan pegawai adalah seperti berikut:-

| BIL | JENIS KERETA                      | MODEL KERETA                                                            | PEGAWAI YANG LAYAK                                                                                                                     |
|-----|-----------------------------------|-------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | Kereta Rasmi Jawatan (KRJ)        | Honda Accord 2.0L                                                       | Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Gred Utama/Khas C dan ke atas.                                                               |
|     |                                   | Model Terbaru Proton Perdana<br>*(Apabila Honda Accord 2.0L dilupuskan) |                                                                                                                                        |
| 2.  | Kereta Rasmi Ketua Jabatan (KRKJ) | Proton Inspira 2.0 Premium                                              | Ketua Jabatan Negeri Gred 54/52 termasuk Ketua Jabatan Badan Berkanun, Pegawai-Pegawai Daerah, Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah |

#### 4.0 KEGUNAAN KERETA

- 4.1 Ketua Jabatan yang dibekalkan dengan Kereta Rasmi Jawatan (KRJ) dan Kereta Rasmi Ketua Jabatan (K RKJ) adalah dibenar sepanjang masa menggunakannya untuk urusan rasmi dan persendirian. Ia boleh menyimpan kereta itu di rumah. Ini bererti kereta itu terletak di bawah kawalannya sepanjang hari dan dengan itu dikehendaki bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan dan kegunaan kereta itu secara selamat. Ia hendaklah juga memastikan kereta itu sentiasa diselenggara dengan betul dan apabila tiba masanya, ia dikehendaki memberitahu pejabatnya untuk kereta itu di servis atau seumpamanya;
- 4.2 Kerajaan Negeri berhak untuk menuntut perbelanjaan atau kerugian ke atas kereta itu sekiranya didapati dan diperakui sesuatu kerugian itu adalah disebabkan kecuaiian pegawai atau pemandu samada kereta itu digunakan secara rasmi atau urusan persendirian;
- 4.3 Pegawai berkenaan juga hendaklah memastikan penggunaan pengurusan dan penyenggaraan kereta rasmi itu direkodkan mengikut peraturan-peraturan semasa;
- 4.4 Bagi isteri pegawai yang dilantik secara automatik sebagai Pengerusi atau Jawatankuasa-jawatankuasa *ad-hoc*, isteri mereka layak menggunakan kereta tersebut dalam menjalankan urusan rasmi dengan syarat kereta tersebut tidak digunakan oleh Pegawai pada masa yang berkenaan.

#### 5.0 KAD ELEKTRONIK

- 5.1 Melalui 1 Pekeliling Perbendaharaan, WP.4.1-2013 Pengurusan Kenderaan Kerajaan telah menetapkan Kad Elektronik Tol Touch 'N' Go (TNG) dan Smart Tag dibekalkan untuk Pengurusan Tertinggi Gred

Utama/Khas C dan ke atas atau yang setaraf di Kementerian. Sehubungan dengan itu, dipanjangkan penggunaan ini kepada semua Ketua Jabatan yang dibekalkan kereta rasmi dengan syarat seperti berikut:-

- i. Pembekalan kad TnG dan Smart Tag adalah sebagai satu kemudahan kepada Ketua Jabatan;
- ii. Nilai maksimum kad pada setiap bulan adalah RM 500;
- iii. Kad TnG berkenaan hanya akan ditambah nilai sebulan sekali setiap 1 hb hingga 10hb, berdasarkan baki kad pada bulan tersebut. Kadar tambahan adalah bergantung kepada baki kad di mana nilai kad tidak seharusnya melebihi had maksimum RM 500;
- iv. Kad TnG dan Smart Tag hendaklah direkodkan sebagai inventori;
- v. Pegawai perlu dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku kehilangan dan kerosakan kad TnG dan Smart Tag berkenaan;
- vi. Kehilangan kad hendaklah dilaporkan sebagai kehilangan wang awam mengikut peruntukan AP 315 (a);
- vii. Kad TnG ini hanya digunakan untuk pembayaran tol dan pembayaran letak kereta di lokasi tugas rasmi sahaja dan tidak boleh digunakan untuk tujuan lain.
- viii. Kemudahan ini tidak dipanjangkan kepada pegawai "*contract for service*".

## **6.0 KAD INDEN MINYAK**

- 6.1 Kerajaan akan menanggung kos pembelian minyak dan Ketua Jabatan yang dibekalkan kereta rasmi layak untuk mendapat Kad Inden. Kad Inden ini dipegang sendiri oleh pegawai tersebut. Ketua Jabatan tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan perjalanan mengikut perkiraan kilometer termasuklah perjalanan dari rumah ke pejabat dan balik.

## **7.0 PEMANDU KERETA RASMI**

Ketua Jabatan yang dibekalkan kereta rasmi boleh menggunakan pemandu pejabat atau memandu sendiri dan bagi Ketua Jabatan Gred Jusa C ke atas boleh menggunakan pemandu upahan sendiri seperti yang ditetapkan di 1 Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4 (Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi).

## **8.0 PENYELENGGARAAN BUKU LOG**

Ketua Jabatan yang dibekalkan kereta rasmi perlu menyelenggara buku log dari semasa ke semasa bagi semua perjalanan rasmi dan persendirian.

## **9.0 SAMAN/KOMPAUN**

9.1 Pengguna hendaklah menyelesaikan semua saman/kompaun atas semua jenis kesalahan yang dikenakan oleh pihak berkuasa ke atas Kereta Rasmi Jawatan atau Kereta Rasmi Jabatan tersebut dan Kerajaan Negeri tidak bertanggungjawab menyelesaikan saman/kompaun berkenaan;

9.2 Sekiranya kesalahan itu diarahkan supaya dilakukan oleh pengguna semasa menggunakan pemandu, maka pengguna tersebut perlu dipertanggungjawabkan dengan syarat arahan itu dicatatkan oleh pemandu di dalam buku log dan diarahkan oleh pengguna.

## **10.0 GARIS PANDUAN PEMBELIAN KERETA RASMI JAWATAN APABILA PEGAWAI BERSARA**

### **10.1 KELAYAKAN PEMBELIAN**

10.1.1 Pembelian kereta rasmi hanya dibenarkan bagi pegawai yang diperuntukkan Kereta Rasmi Jawatan (KRJ) iaitu apabila pegawai tersebut bersara dari jawatan sahaja dan tidak dibolehkan kerana bertukar jawatan.

10.1.2 Pegawai yang diperuntukkan Kereta Rasmi Ketua Jabatan (KRKJ) tidak layak membeli kereta rasmi tersebut apabila bersara.

### **10.2 KAEDAH PERMOHONAN**

10.2.1 Permohonan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Perbendaharaan Negeri Selangor dalam tempoh 6 bulan sebelum tarikh persaraan. Permohonan hendaklah dikemukakan bersama anggaran harga semasa kereta rasmi tersebut oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor;

10.2.2 Perbendaharaan Negeri Selangor akan menyediakan minit bebas dengan syor harga seperti perenggan 10.3 kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor untuk kelulusan.

### **10.3 PENENTUAN KADAR HARGA JUALAN**

10.3.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 29/2014 yang bersidang pada 6 Ogos 2014 telah bersetuju bahawa kadar harga jualan bagi Kereta Rasmi Jawatan yang diluluskan untuk dibeli oleh pegawai kanan yang bersara adalah 50% daripada nilai Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor.

$$\text{Harga Jualan} = \text{Nilaian JKR} \times 50\%$$

#### 10.4 KUASA MELULUS

10.4.1 Permohonan pembelian Kereta Rasmi Jawatan dan Kereta Rasmi Jabatan hanya diluluskan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor. Namun begitu, urusetia bagi menguruskan permohonan ini adalah Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset, Perbendaharaan Negeri Selangor.

#### 10.5 PENGECUALIAN CUKAI

3.5.1 Pengecualian cukai Kerajaan sekiranya berkaitan hendaklah dipohon sendiri oleh pembeli daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

#### 10.6 PEMBAYARAN

3.6.1 Pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh kelulusan dan cek bayaran hendaklah dihantar terus kepada Bendahari Negeri. Kenderaan akan diserahkan kepada pembeli setelah pengesahan pembayaran diterima daripada Bendahari Negeri. Urusan tukar milik akan diuruskan oleh Jabatan.

#### 10.7 PEMAKAIAN

10.7.1 Garis panduan pembelian kereta rasmi ini terpakai kepada pegawai kanan Kerajaan Negeri Selangor yang diperuntukkan Kereta Rasmi Jawatan tetapi tidak termasuk pegawai kanan yang menganggotai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sebagai Ahli *Ex-Officio*;

10.7.2 Bagi pegawai kanan yang berstatus Ahli *Ex-Officio*, kelayakan pembelian termasuk kadar harga adalah tertakluk kepada kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) selaras dengan Perenggan 12, Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 – Enakmen No. 8 Tahun 1980.


## 11.0 KUATKUASA

11.1 Pekeliling ini mula berkuatkuasa serta-merta pada tarikh ianya dikeluarkan. Selaras dengan pemakaian pekeliling ini, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 2011 Peruntukan Kereta Rasmi Jabatan adalah **dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN) D.P.M.S, A.M.S  
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Tarikh : 7 Oktober 2014